

NO SOALAN: 345

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN
ABDUL AZIZ
[PASIR MAS]**

SOALAN :

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah golongan belia dan hutang yang ditanggungnya setiap tahun sejak 2005.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Menurut statistik oleh Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu sebuah agensi di bawah seliaan Kementerian Kewangan, setakat 31 Mac 2016, seramai 146,659 pelanggan yang mempunyai masalah kegagalan membayar balik hutang mereka telah dibantu di dalam Program Pengurusan Kredit (PPK) AKPK.
2. Dari jumlah tersebut, sebanyak 12.4% atau 18,186 pelanggan adalah daripada golongan muda yang berumur di antara 20 hingga 30 tahun. Peratusan ini menunjukkan penurunan berbanding 15.4% yang telah direkodkan pada tahun 2008.
3. Secara amnya, terdapat trend yang ketara di kalangan generasi muda, di mana mereka tampak lebih prihatin tentang pengurusan kewangan peribadi mereka. Dalam usaha memupuk tabiat kewangan yang sihat di setiap lapisan masyarakat, AKPK juga turut membantu menyebarkan informasi tentang pengurusan kewangan serta tips tentang cara membuat keputusan kewangan dengan lebih bijak.
4. Antara inisiatif yang dijalankan oleh AKPK untuk membantu meningkatkan tahap celik kewangan masyarakat Malaysia, terutamanya golongan belia, adalah:
 - (i) Melaksanakan program pendidikan kewangan kepada kumpulan sasar yang telah dikenal pasti mengikut profil tertentu seperti pendapatan dan demografik;